

04 OCT 2001

MAHATHIR-ANUITI

MAHATHIR PUJI SKIM ANUITI KWSP

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan skim anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang diperkenalkan tahun lalu adalah satu idea yang baik.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata skim anuiti itu perlu diperhalusi kerana terdapat bantahan terhadapnya.

Tetapi memandangkan kepada bantahan itu, Dr Mahathir berkata, "kita perlu memperhalusnya dan meneruskannya."

Beliau berkata demikian dalam wawancaranya bersempena dengan ulangtahun ke-50 KWSP pada 1 Okt, 2001.

Skim anuiti itu dilancarkan pada Julai tahun lalu tetapi ditangguhkan pada Mei tahun ini berikutan bantahan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Pada 1 Julai tahun lalu, KWSP melancarkan dua versi skim anuiti dengan sasaran menyediakan anggota dengan pendapatan biasa bagi kehidupan selepas persaraan.

Sejak dilancarkan, skim itu menerima bantahan daripada MTUC.

Skim itu menyediakan opsyen bagi anggota-anggota yang tidak mahu mengeluarkan simpanan mereka sekaligus untuk menukarkan keseluruhan atau sebahagian daripada simpanan KWSP mereka kepada skim anuiti yang menyediakan pendapatan selepas persaraan bagi kehidupan, di mana dalam kes versi Takaful, sehingga usia 100 tahun.

Skim anuiti itu adalah program persaraan di mana sebahagian caruman pekerja, dengan kebenaran mereka, diurus dan diagihkan seperti pembayaran pencen bagi asas bulanan selepas persaraan mereka.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kepada KWSP di atas pengurusannya sepanjang tempoh perkhidmatannya dan di atas kejayaannya.

"Saya menganggapnya sebagai sebuah institusi yang berjaya dan ia telah mencapai peranannya seperti yang dirancang."

Bagaimanapun, Dr Mahathir juga menegaskan keperluan bagi KWSP untuk memikirkan semula peranannya, terutama berkaitan dengan pengecualian satu pembayaran.

"Saya rasa ia tidak begitu membantu kerana hampir secara biasa mereka (pencarum) menghabiskan semua wang mereka (dengan lebih cepat)," katanya.

"Orang yang bersara perlu mempunyai sumber pendapatan yang lebih kekal, walaupun kecil. Mungkin KWSP perlu menawarkan lebih banyak pilihan kepada anggotanya - mereka boleh mengambil sebahagian daripada simpanan mereka sebagai pengecualian satu pembayaran dan meninggalkan sesuatu yang akan menghasilkan pulangan yang lebih banyak."

"Mereka mungkin mahu mengeluarkan semua wang mereka dan melabur dalam perniagaan tetapi mereka mungkin tidak dapat melabur dengan baik dan semua wang mereka akan hilang begitu sahaja," kata Perdana Menteri. -- BERNAMA

MKO MR SHY ZK